

09/08/2003

Hargailah nikmat merdeka: Dr M

Amirullah Andi Nur; Mohd Azrone Sarabatin

PENAMPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat sentiasa menghargai dan menyedari nikmat yang diperoleh hasil pencapaian negara setiap kali menyambut ulang tahun kemerdekaan pada 31 Ogos.

"Kita sudah merdeka selama 46 tahun dan ini bukan satu masa yang panjang. Tetapi berbanding kemajuan yang dicapai negara kita dan banyak negara lain yang merdeka pada masa itu, kita telah mencapai kemajuan yang luar biasa.

"Maka itu, kita perlu berbangga dan menghargai kemerdekaan serta sedar akan nikmat yang diterima darinya," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Kongres ke-9 Pertubuhan PasokMomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) di Pusat Kebudayaan Sabah di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, berbanding sesetengah negara, rakyat Malaysia beruntung kerana tidak disuruh berperang atau menggadai nyawa menyelamatkan negara ini.

Sebaliknya, kata beliau, rakyat diminta bersatu dan memberi sokongan kepada kerajaan BN yang terbukti berjaya membawa banyak kebaikan dan pembangunan kepada Malaysia.

"Sekarang ini saya lihat ramai yang sudah memasang bendera pada kereta dan ini adalah bukti patriotisme yang ada pada kita.

"Oleh itu hendaklah kita semua memasang bendera ini sebagai bukti kita adalah rakyat Malaysia dan kita menghargai kewarganegaraan kita," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan perbezaan agama, kaum dan budaya tidak menghalang rakyat untuk bersatu dan menyelesaikan masalah dalam BN.

Katanya, masalah itu dapat diselesaikan melalui pakatan dan rundingan serta pada masa sama semua pihak dapat menerima keputusan secara baik dan bijak.

Beliau berkata, pemimpin sentiasa berkompromi termasuk rela duduk bersama di sekeliling meja membincangkan masalah secara toleransi dan sensitif terhadap masalah masing-masing.

"Keadaan ini menyebabkan negara kita tidak menghadapi masalah rusuhan kaum, sebaliknya aman, tenteram dan kerajaan dapat menumpukan usaha membangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, ramai pemimpin asing termasuk dari Jerman, Perancis serta Russia datang ke negara ini selepas mendengar pelbagai cerita menarik mengenai Malaysia.

"Mereka ingin melihat sendiri benar atau tidak kerana merasa kagum dengan keadaan di negara kita terutama membabitkan hubungan baik antara pelbagai kaum.

"Mereka mengakui perpaduan begitu ketara, sehingga bila berjalan nampak berlainan keturunan walaupun boleh bersama," katanya.